

Headline	Tabung Haji uruskan 1.18 juta pendeposit		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	06 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	20	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	352 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,021
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,063



Tabung Haji uruskan 1.18 juta pendeposit

Oleh ABD. RAZAK OSMAN
uusankedah@utusan.com.my

■ SUNGAI PETANI 5 JUN

TABUNG Haji sehingga ini berjaya menarik seramai 1.18 juta orang pendeposit termasuk kanak-kanak dan remaja Islam di seluruh negara.

Pengurus Bahagian Khidmat Pelanggannya, Shahrulnizam Abu Bakar berkata, sebanyak RM2 sahaja dikenakan terhadap mereka yang ingin menjadi pendeposit Tabung Haji.

"Sambutan untuk murid sekolah rendah membuka akaun sehingga penghujung April lalu begitu menggalakkan."

"Pelbagai kempen terus dilancarkan untuk menarik kanak-kanak supaya membuka akaun dengan kami selepas Kelab Tabung Haji ditubuh pada 2008."



Pelbagai kempen terus dilancarkan untuk menarik kanak-kanak supaya membuka akaun dengan kami selepas Kelab Tabung Haji ditubuh pada 2008."

SHAHRULNIZAM ABU BAKAR
Pengurus Bahagian Khidmat
Pelanggan Tabung Haji

dengan kami selepas Kelab Tabung Haji ditubuh pada 2008," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Menurut Shahrulnizam, pihaknya berkolaborasi dengan Utusan Malaysia (M) Berhad melalui tajaan akan menganjurkan program seminar bimbingan peperiksaan, English Camp, Kem Hebat Solat dan program khidmat masyarakat untuk ahli Kelab Tabung Haji termasuk di Pantai Merdeka, Kedah, baru-baru ini.

"Kita menganjurkan program-program ini untuk memberi manfaat kepada ahli kelab tersebut yang berumur 7 hingga 17 tahun," ujarnya.

Tambahnya, pihaknya juga menaja 135,000 naskah Akhbar Dalam Darjah Tutor kepada 84 buah sekolah di seluruh negara atas dasar prihatin dalam menjayakan kecemerlangan mutu pendidikan di negara ini.

Headline	Tabung Haji uruskan 1.18 juta pendeposit		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	06 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	20	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	352 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,021
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,063



TIMBALAN Pengarah Tabung Haji Kedah, Mohamad Zahir Hussain (dua dari kiri barisan tengah) dan kakitangan Berkat Mind Resources bersama peserta Kem Hebat Solat di Pantai Merdeka, Kedah, baru-baru ini. - UTUSAN/SAFRIZAL AZMI